

Kejohanan Bot Laju satu lagi tarikan pelancong — PM

UM 15 AUG 2007

KUALA LUMPUR 18 Ogos — Kejohanan Bot Laju F1 Dunia yang diadakan di Malaysia akan menjadi satu lagi daya tarikan pelancong asing ke negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Di samping menyaksikan perlumbaan itu, kata beliau, pelancong asing akan dapat menikmati keindahan dan kehijauan semula jadi yang terdapat di negara ini.

Ini kerana, menurut beliau, kejohanan tersebut disaksikan oleh lebih 700 juta penonton dari seluruh dunia yang menyaksikannya secara langsung menerusi siaran televisyen.

“Ini satu lagi cara kita

memperkenalkan Malaysia kepada dunia. Kita harap orang lebih berminat datang ke Malaysia.

“Malangnya, hari ini cuaca berjerembu sedikit. Kalau tidak mereka dapat lihat betapa hijaunya negara kita ini,” katanya selepas melepaskan peserta pusingan akhir Kejohanan Bot Laju F1 Dunia Malaysia Mines Resort City, Seri Kembangan di sini, hari ini.

Dalam kejohanan berkenaan, tempat pertama dan kedua perlumbaan bot laju itu masing-masing dimenangi oleh pelumba dari Itali, Roggiero Massimo dan Cappellini Guido. Tempat ketiga pula dimenangi oleh pelumba dari Amerika Syarikat, Gillman Scott.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Perdana Menteri.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, Seri Kembangan akan menjadi tumpuan utama pelancong jika kejohanan bertaraf dunia itu terus diadakan di sini pada masa akan datang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencadangkan Mines Resort City menjadi lokasi utama kejohanan bot laju F1.

Ini kerana, kata beliau, perlumbaan di tasik tidak akan merosakkan bahagian pantainya berbanding berlumba di laut.

“Saya fikir tempat ini (Mines Resort City) cukup sesuai. Kalau kita perhatikan ia tidak ada ombak. Ia tidak merosakkan pantai.

“Ia sangat sesuai berlumba dalam tasik. berlumba dalam tasik, bot akan lebih laju,” katanya.

Dalam pada itu, beliau yakin uerlumbaan bot laju akan juga diminati oleh rakyat Malaysia sebagaimana perlumbaan kereta F1.

“Ya, saya juga fikir begitu. Kita boleh jadikan ia (perlumbaan bot laju) ini lebih popular.

“Lebih-lebih lagi setakat ini tiada kena hayaran apa. Perlumbaan kereta F1 kena bayar,” jelasnya.

Menurutnya, kerajaan akan sentiasa menyokong usaha-usaha pihak tertentu untuk mempromosikan Malaysia termasuk dalam acara sukan.